

PERNYATAAN ANTI-RASUAH KWSP

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja mengamalkan **Toleransi Sifar** terhadap rasuah dan segala aktiviti yang berunsurkan rasuah dalam urusan operasi dan urusniaganya. Ini bermakna KWSP tidak akan bertolak ansur dan akan bertindak tegas membanteras rasuah serta kegiatan yang berunsur rasuah demi melindungi simpanan persaraan ahli.

Reputasi KWSP adalah terbentuk daripada budaya kerja yang beretika, berintegriti, profesional dan telus hasil daripada amalan Nilai Bersama KWSP di semua peringkat anggota dan syarikat milik penuhnya.

Sebagai sebuah organisasi yang berintegriti dan mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah, KWSP berikrar akan menentang jenayah rasuah ini melalui pendekatan 5P iaitu:

1. **Promosi** nilai-nilai integriti, ketelusan dan tadbir urus yang baik;
2. **Pengukuhan** mekanisme kawalan dalaman KWSP yang menyokong pencegahan rasuah;
3. **Pematuhan** undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan usaha memerangi rasuah;
4. **Perangi** segala bentuk amalan rasuah; dan
5. **Pendukung** kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Kami juga akan mengekalkan standard integriti yang paling tinggi dengan sentiasa:

1. Adil, jujur dan telus dalam menguruskan operasi harian dan urusniaga kami;
2. Tidak menawarkan sebarang bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung;
3. Tidak menerima sebarang bentuk rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung;

Pernyataan Anti-Rasuah ini adalah terpakai kepada semua peringkat anggota KWSP termasuk anggota syarikat-syarikat milik penuhnya. Anggota yang melakukan jenayah rasuah akan berdepan dengan tindakan sepertimana yang digariskan dalam Kod Etika KWSP dan/atau undang-undang jenayah Negara.

Prinsip umum Pernyataan Anti-Rasuah ini terpakai kepada semua pihak yang berurusan dengan KWSP termasuk konsultan, pembekal dan vendor.

KWSP sentiasa terbuka dengan mengamalkan budaya bersuara. Oleh itu, KWSP menggalakkan semua anggota dan orang ramai sekiranya terdapat kejadian melibatkan salah laku integriti terutama rasuah, mereka hendaklah menyalurkannya ke Saluran Pendedahan Maklumat KWSP (Whistleblowing) seperti berikut:

Email : speakup@epf.gov.my
Hotline: 03-2616 2121

Setiap aduan tulen yang diterima melalui saluran ini adalah SULIT dan akan disiasat dengan telus dan adil.

DATUK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN
Ketua Pegawai Eksekutif
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja